

**AMALAN PENGURUSAN WANG DI KALANGAN PELAJAR IJAZAH  
SARJANA MUDA TEKNOLOGI SERTA PENDIDIKAN (KEMAHIRAN HIDUP),  
FAKULTI PENDIDIKAN, UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA**

**NETTY ZAHURA BINTI ABD AZIZ**

**UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA**

## UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

**BORANG PENGESAHAN STATUS TESIS ♦**

JUDUL: AMALAN PENGURUSAN WANG DI KALANGAN PELAJAR IJAZAH SARJANA MUDA TEKNOLOGI SERTA PENDIDIKAN (KEMAHIRAN HIDUP), FAKULTI PENDIDIKAN, UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

SESI PENGAJIAN: 2005/2006

Saya NETTY ZAHURA BINTI ABD AZIZ  
(HURUF BESAR)

mengaku membenarkan tesis (PSM/ Sarjana/ Doktor-Falsafah)\* ini disimpan di Perpustakaan Universiti Teknologi Malaysia dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:

1. Tesis adalah hakmilik Universiti Teknologi Malaysia.
2. Perpustakaan Universiti Teknologi Malaysia dibenarkan membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian tinggi.
4. \*\* Sila tandakan (✓)


SULIT


(Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub di dalam AKTA RAHSIA RASMI 1972)

TERHAD

(Mengandungi maklumat TERHAD yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan dijalankan)

TIDAK TERHAD

  
(TANDATANGAN PENULIS)

Disahkan oleh  
  
(TANDATANGAN PENYELIA)

Alamat Tetap:

Lot 12 Kg Tawang,  
16020 Bachok,  
Kelantan.

Mohd. Rizal Bin Mohd. Said  
(NAMA PENYELIA)

Tarikh: 1 APRIL 2006


Tarikh: 18/4/06

## CATATAN:

- \* Potong yang tidak berkenaan.
- \*\* Jika tesis ini SULIT atau TERHAD, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/ organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh tesis ini perlu dikelaskan sebagai SULIT atau TERHAD.
- ♦ Tesis dimaksudkan sebagai tesis bagi Ijazah Doktor Falsafah dan Sarjana secara penyelidikan, atau disertai bagi pengajian secara kerja kursus dan penyelidikan, atau Laporan Projek Sarjana Muda (PSM).

**PENGESAHAN PENYELIA**

“Saya akui bahawa saya telah membaca karya ini dan pada pandangan saya karya ini adalah memadai dari segi skop kualiti untuk tujuan penganugerahan Ijazah Sarjana Muda Teknologi serta Pendidikan (Kemahiran Hidup)

Tandatangan :   
Nama Penyelia : MOHD RIZAL BIN MOHD SAID  
Tarikh : 1 APRIL 2006

AMALAN PENGURUSAN WANG DI KALANGAN PELAJAR IJAZAH SARJANA  
MUDA TEKNOLOGI SERTA PENDIDIKAN (KEMAHIRAN HIDUP), FAKULTI  
PENDIDIKAN, UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA


NETTY ZAHURA BINTI ABD AZIZ

Laporan projek ini dikemukakan  
sebagai memenuhi sebahagian daripada syarat  
penganugerahan ijazah Sarjana Muda Teknologi Serta Pendidikan  
(Kemahiran Hidup)

Fakulti Pendidikan  
Universiti Teknologi Malaysia

APRIL, 2006

"Saya akui karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan dan ringkasan yang tiap-tiap satunya telah saya jelaskan sumbernya".



Tandatangan : .....

Nama Penulis : NETTY ZAHURA BINTI ABD AZIZ

Tarikh : 1 APRIL 2006

### **Dedikasi**

**Untuk yang dikasihi dan disanjung tinggi, ibu bapaku**

**ABD AZIZ BIN HUSSAIN & AZIZAH BINTI YUSOFF**

.....Terima kasih Abah & Ma kerana telah mendidik anakmu dengan sempurna dan berjaya dalam hidup.....Sesungguhnya, segala pengorbananmu, tidak terbalas.....

**Untuk suami yang tercinta dan dirindui**

**MOHD AZMI BIN ABDUL RAHMAN**

.....Terima kasih kerana memahami 'Mama'.....Sesungguhnya segala pengorbanan, kasih dan cinta yang diberikan mebuatkan 'Mama' tabah dalam mengharungi dugaan sepanjang kita bersama.....Terima Kasih 'Papa'.....

**serta**

**Ahli keluarga yang dikasihi yang sentiasa memberi dorongan**

**(NAZRY & KELUARGA, NASIHA, NOR ASIKIN, FAIS & FARID)**

.....Terima Kasih kerana sentiasa bersama dalam susah dan senang.....Moga kemesraan yang terjalin antara kita kekal selamanya.....

**dan**

**rakan seperjuangan yang banyak membantu serta menyokong selama ini**

## **PENGHARGAAN**

Pada ruangan ini, penyelidik ingin merakamkan jutaan terima kasih kepada Pensyarah Pembimbing Projek Sarjana Muda, Mohd. Rizal Bin Mohd. Said atas bimbingan, dorongan, tunjuk ajar, perbincangan serta nasihat membina yang diberikan dalam menjayakan projek ini. Beliau telah banyak meluangkan masa untuk meneliti penulisan projek ini.

Penghargaan ikhlas buat ibu bapa, suami serta keluarga yang dikasihi kerana telah banyak menyokong serta memberi nasihat kepada penyelidik untuk meneruskan perjuangan ini.

Penghargaan ikhlas juga ditujukan kepada rakan-rakan seperjuangan yang telah banyak memberikan kerjasama dan berkongsi pendapat untuk menyempurnakan kajian ini. Terima kasih pelajar-pelajar Ijazah Sarjana Muda Teknologi serta Pendidikan (Kemahiran Hidup) atas kerjasama yang diberi semasa penyelidik mengumpul data untuk projek ini.

Juga kepada kedua-dua penilai yang menjadi penilai penyelidik untuk pembentangan projek ini. Akhir sekali, penyelidik ingin mengucapkan terima kasih kepada semua pihak yang telah memberikan apa jua sokongan dan bantuan sama ada secara langsung atau tidak langsung dalam proses menyiapkan Projek Sarjana Muda ini.

## ABSTRAK

Wang merupakan elemen penting dalam kehidupan manusia. Pengurusan kewangan mampu membantu individu membelanjakan dan menyimpan wang dengan lebih baik untuk meningkatkan taraf hidup. Kajian ini bertujuan untuk melihat amalan pengurusan wang di kalangan pelajar SPH. Seramai 130 orang pelajar daripada tahun satu hingga tahun lima terlibat dalam kajian ini. Kajian ini adalah berbentuk deskriptif tinjauan dan instrumen kajian yang digunakan ialah soal selidik yang terbahagi kepada dua bahagian iaitu bahagian A dan bahagian B untuk menjawab persoalan kajian. Dapatan soal selidik yang telah dijawab, dianalisa dengan menggunakan Program Statistical Packages for the Social Science (SPSS). Setelah dianalisa, didapati para pelajar kebanyakannya mengamalkan pengurusan wang dalam membelanjakan wang biasiswa atau pinjaman pendidikan yang mereka perolehi. Walaubagaimanapun, masih terdapat sejumlah bilangan kecil pelajar yang masih tidak mengamalkannya. Cadangan dan rujukan yang terdapat dalam penyelidikan ini diharapkan dapat memperbaiki dan meningkatkan amalan pengurusan wang di kalangan pelajar.

## **ABSTRACT**

Money is an important element in our life. Money management can help individual to spend and save money wisely to improve their standard of living. The purpose of this research was to find out a practice of managing money among SPH students. Research samples were 130 students from first to fifth year. This research adopts a descriptive survey via questionnaires and it divided into two sections, part A and part B. The analysis data was used Statistical Packages for the Social Science (SPSS). The findings indicate that most of student has practice manage their scholarship or loan that they get. However, there are small amount of student still not practice it. The proposals and references in this research will help students in improving and increasing their money management practice.

## KANDUNGAN

<b>BAB</b>	<b>PERKARA</b>	<b>HALAMAN</b>
	<b>JUDUL</b>	i
	<b>PENGAKUAN</b>	ii
	<b>DEDIKASI</b>	iii
	<b>PENGHARGAAN</b>	iv
	<b>ABSTRAK</b>	v
	<b>ABSTRACT</b>	vi
	<b>KANDUNGAN</b>	vii
	<b>SENARAI JADUAL</b>	x
	<b>SENARAI RAJAH</b>	xi
	<b>SENARAI SIMBOL/ SINGKATAN</b>	xii
	<b>SENARAI LAMPIRAN</b>	xiii
<b>1</b>	<b>PENDAHULUAN</b>	1
	1.0 Pengenalan	1
	1.1 Latar Belakang Masalah	2
	1.2 Pernyataan Masalah	5
	1.3 Objektif Kajian	6
	1.4 Persoalan Kajian	7
	1.5 Kepentingan Kajian	7
	1.6 Batasan Kajian	8
	1.7 Definisi Konsep / Istilah	9
	1.8 Kesimpulan	11

<b>2</b>	<b>SOROTAN KAJIAN</b>	12
	2.0 Pengenalan	12
	2.1 Pengurusan Wang	12
	2.2 Matlamat	13
	2.3 Perancangan	14
	2.4 Mengawal Perbelanjaan	16
	2.5 Bajet	19
	2.6 Simpanan	21
	2.7 Keperluan dan Kehendak	22
	2.8 Kesimpulan	25
<b>3</b>	<b>METODOLOGI KAJIAN</b>	26
	3.0 Pengenalan	26
	3.1 Rekabentuk Kajian	26
	3.2 Populasi dan Sampel Kajian	27
	3.3 Instrumen Kajian	29
	3.4 Kajian Rintis	32
	3.5 Prosedur Kajian	33
	3.6 Analisis Data	35
	3.7 Kesimpulan	36
<b>4</b>	<b>ANALISIS DATA</b>	37
	4.0 Pengenalan	37
	4.1 Dapatan Kajian - Bahagian A (Latarbelakang Responden)	37
	4.2 Dapatan Kajian – Bahagian B (Analisis Item Soal Selidik)	41
	4.2.1 Dapatan Persoalan Kajian 1	41
	4.2.2 Dapatan Persoalan Kajian 2	44
	4.2.3 Dapatan Persoalan Kajian 3	47
	4.2.4 Dapatan Persoalan Kajian 4	50
	4.2.5 Dapatan Persoalan Kajian 5	54
	4.3 Kesimpulan	56

<b>5</b>	<b>PERBINCANGAN, RUMUSAN DAN CADANGAN</b>	<b>58</b>
5.0	Pengenalan	58
5.1	Perbincangan	59
5.1.1	Amalan Pengurusan Wang Biasiswa atau Pinjaman oleh Pelajar	60
5.1.2	Penggunaan Wang Biasiswa atau Pinjaman Untuk Keperluan Akademik.	61
5.1.3	Penggunaan Wang Biasiswa atau Pinjaman Untuk Keperluan Fisiologi.	62
5.1.4	Penggunaan Wang Biasiswa atau Pinjaman Untuk Memenuhi Kemahuan dan Kehendak.	64
5.1.5	Penggunaan Wang Biasiswa atau Pinjaman Untuk Simpanan.	66
5.2	Rumusan	67
5.3	Cadangan-Cadangan	68
5.3.1	Pelajar	68
5.3.2	Institusi Pendidikan	69
5.4	Cadangan Kajian Lanjutan	70
5.5	Kesimpulan	71
	<b>BIBLIOGRAFI</b>	<b>72</b>
	<b>Lampiran A - E</b>	<b>76 – 83</b>

## SENARAI JADUAL

NO. JADUAL	TAJUK	HALAMAN
3.2.1	Bilangan Pelajar Ijazah Sarjana Muda Teknologi Serta Pendidikan (Kemahiran Hidup) Bagi Setiap Tahun Pengajian	29
3.3.1	Susunan Item Dalam Bahagian Item	30
3.3.2	Skala Likert Tiga Peringkat	31
3.3.3	Spesifik Yang Menunjukkan Aspek, Nombor Item Dan Jumlah Item	31
3.6.1	Skor Aras Skala Likert	35
3.6.2	Skala Pemeringkatan Likert Tiga Peringkat	35
4.1.1	Taburan Bilangan Dan Peratusan Responden Mengikut Tahun	37
4.1.2	Taburan Bilangan Dan Peratusan Responden Mengikut Umur	37
4.1.3	Taburan Bilangan Dan Peratusan Responden Mengikut Jantina	38
4.1.4	Taburan Bilangan Dan Peratusan Responden Mengikut Status	38
4.1.5	Taburan Bilangan Dan Peratusan Responden Mengikut Keturunan	39
4.1.6	Taburan Bilangan Dan Peratusan Responden Mengikut Jenis Bantuan Kewangan	39
4.2.1	Taburan Bilangan Dan Peratusan Persoalan Kajian 1	40
4.2.2	Taburan Bilangan Dan Peratusan Persoalan Kajian 2	43
4.2.3	Taburan Bilangan Dan Peratusan Persoalan Kajian 3	46
4.2.4	Taburan Bilangan Dan Peratusan Persoalan Kajian 4	49
4.2.5	Taburan Bilangan Dan Peratusan Persoalan Kajian 5	53
4.3.1	Purata Nilai Bilangan dan Peratusan Setiap Persoalan Kajian	56
5.1.1	Purata Nilai Bilangan dan Peratusan Setiap Persoalan Kajian	58

## SENARAI RAJAH

NO. RAJAH	TAJUK	HALAMAN
2.5.1	Fasa Dalam Proses Bajet	21
2.7.1	Hirarki Keperluan Abraham Maslow	24
3.5.1	Prosedur Kajian Yang Dijalankan	34
4.2.1.1	Saya selalu membuat perbandingan harga barang terlebih dahulu sebelum membeli barangan tersebut.	42
4.2.1.2	Saya sentiasa merekod setiap perbelanjaan yang dilakukan	43
4.2.2.1	Saya menggunakan wang biasiswa atau pinjaman untuk membeli peralatan pembelajaran seperti alat tulis, komputer dan lain-lain.	45
4.2.2.2	Saya menggunakan wang biasiswa atau pinjaman untuk menyertai kursus peningkatan akademik atau program motivasi	46
4.2.3.1	Saya menggunakan wang biasiswa/pinjaman untuk membayar yuran kolej atau rumah sewa	48
4.2.3.2	Saya memperuntukkan sebahagian wang biasiswa/pinjaman untuk menjaga kesihatan.	49
4.2.4.1	Saya menggunakan wang biasiswa/pinjaman untuk perbelanjaan telefon bimbit saya	51
4.2.4.2	Kadangkala saya sanggup membeli barangan berjenama supaya tidak dipandang rendah oleh kawan-kawan.	52
4.2.5.1	Saya menggunakan wang simpanan apabila keadaan terdesak atau berlaku kecemasan.	54
4.2.5.2	Saya mempunyai tabiat menabung.	55

**SENARAI SIMBOL/ SINGKATAN**

IPT	-	Institut Pengajian Tinggi
KS	-	Kurang Setuju
MARA	-	Majlis Amanah Rakyat
PTPTN	-	Kurikulum Pendidikan Pemandu
PSM	-	Projek Sarjana Muda
S	-	Setuju
SPH	-	Ijazah Sarjana Muda Teknologi serta Pendidikan (Kemahiran Hidup)
SPSS	-	Statistical Package For Social Science
SS	-	Sangat Setuju
STS	-	Sangat Tidak Setuju
TS	-	Tidak Setuju
UTM	-	Universiti Teknologi Malaysia
%	-	Peratus
$\alpha$	-	Alpha

**SENARAI LAMPIRAN**

<b>LAMPIRAN</b>	<b>TAJUK</b>	
<b>HALAMAN</b>		
A	Borang Soal Selidik	76
B	Surat Kebenaran Dari Fakulti Pendidikan, UTM	80
C	Memohon Untuk Menyemak Kesahan Item Soal Selidik	81
D	Surat Pengesahan Isi Kandungan Instrumen Kajian	82
E	Statistik Bilangan Pelajar Fakulti Pendidikan Semester I Sesi 2005/06	83

# **BAB I**

## **PENDAHULUAN**

### **1.0 Pengenalan**

Antara ciptaan yang terulung dalam sejarah manusia ialah wang (Zulkifly *et al.* 1992). Wang merupakan elemen yang paling penting dalam kehidupan manusia jika ingin terus hidup (Ibnu Yusoff, 2001). Apa sahaja perkara yang diperlukan dalam hidup ini pastinya memerlukan wang. Semua manusia yang normal memerlukan wang bagi meneruskan kehidupan dan memenuhi keperluan hidup mereka agar hidup lebih mudah dan selesa. Namun begitu, setiap individu perlulah mempunyai kemahiran dalam menguruskan kewangan seharian agar ia dapat membantu seseorang itu mendapatkan apa yang diperlukan tanpa berlaku sebarang pembaziran (Mumtazah dan Nurizan, 1986). Manusia kadang-kadang terlupa apabila berbelanja kerana kehendak manusia terlalu banyak, bermacam-macam sehingga akan menyebabkan seseorang individu gagal untuk merancang setiap perbelanjaan harian mereka (Knuckey, 2001).

Menurut Jariah (1987), peranan wang sebagai perantaraan pertukaran amatlah penting dalam kehidupan hari ini. Tanpa wang, banyak keperluan tidak dapat dipenuhi. Wang telah dijadikan alat untuk mendapatkan barang-barang dan perkhidmatan yang diperlukan oleh individu. Selain daripada berfungsi sebagai perantaraan pertukaran, wang mempunyai makna yang tertentu dan berbeza kepada seorang individu. Wang adalah simbol tanggungjawab (Ibnu Yusoff, 2001). Ini bermakna, seseorang yang bijak menguruskan wang adalah seseorang yang sanggup memikul tanggungjawab.

Adakalanya wang dikaitkan dengan kuasa, kebebasan, kejayaan, status sosial, pencapaian, perlindungan dan kekuatan emosi (Jariah, 1987). Pernyataan ini jelas menunjukkan bahawa betapa besarnya kuasa wang dalam kehidupan. Tanpa wang, kehidupan yang sempurna sukar dibina kerana keperluan, kemahuan dan keinginan tidak dapat ditunaikan (Persatuan Pengguna Pulau Pinang, 1987). Sehubungan dengan perkara tersebut, bagi pelajar, segala urusan yang berkaitan dengan akademik, keperluan fisiologi dan lain-lain perkara amatlah bergantung dengan wang biasiswa ataupun pinjaman yang diperolehi.

Bagi pelajar, mereka memperolehi sumber kewangan untuk menampung pengajian dan kehidupan mereka di universiti melalui wang biasiswa atau pinjaman kewangan (Noor 'Alim, 2005). Justeru itu, pelajar yang menerima wang biasiswa atau pinjaman ini bertanggungjawab untuk bijak menggunakannya. Kadar yang diberikan sangat memadai dan cukup untuk memenuhi keperluan serta kehendak pelajar. Para pelajar mungkin akan terdedah dengan persekitaran yang banyak menuntut mereka untuk menggunakan wang. Jika penggunaannya tidak dilakukan secara bijak dan sistematik, ia boleh mengundang kepada masalah kewangan yang lebih rumitkan (Eisenberg dan Kelly, 1997). Menurut Jariah (1987), hal-hal kewangan (masalah kewangan) boleh menyebabkan kerunsingan dan beberapa perkara lain yang tidak disenangi. Pernyataan ini jelas menunjukkan bahawa, masalah kewangan memberikan kesan yang tidak baik kepada para pelajar. Sebagai contoh, ia boleh memberi kesan kepada proses pembelajaran mereka sehingga menjejaskan prestasi akademik mereka.

## **1.1 Latar Belakang Masalah**

Sebilangan besar pelajar Institusi Pengajian Tinggi (IPT) terdiri daripada golongan remaja yang masih diperingkat usia yang muda (Noor 'Alim, 2005). Mereka inilah yang bakal menjadi golongan pelapis bagi negara agar kemajuan negara dapat terus dipertingkatkan. Golongan ini perlu dibentuk dengan baik dari peringkat awal agar

mereka cemerlang di dalam aspek jasmani, emosi, rohani dan intelek. Pada masa kini, kerajaan dan sektor swasta semakin giat memainkan peranan yang penting dalam menyediakan pelbagai bentuk bantuan kewangan yang diperlukan oleh pelajar (Boone *et al.* 2003). Antara badan-badan yang memberi bantuan kewangan di negara kita ialah Jabatan Perkhidmatan Awam, Yayasan Negeri, MARA, PTPTN dan lain-lain lagi (Noor 'Alim, 2005). Kerajaan telah berusaha sebaik mungkin untuk menyediakan bantuan kewangan supaya ianya dapat meringankan beban para pelajar semasa dalam tempoh pengajian mereka.

Dari segi kewangan kebanyakan pelajar masih ditanggung oleh ibu bapa. Namun begitu ramai pelajar di IPT mendapat biasiswa pelajaran atau pinjaman pendidikan. Hal ini bermakna pelajar sudah mempunyai wang saku sendiri. Pelajar sudah mula bebas berbelanja tanpa diawasi sepenuhnya oleh ibu bapa. Kerap berlaku di mana para pelajar yang mendapat wang pinjaman ini terlalu seronok dan ghairah berbelanja seperti pertama kali mendapat wang yang agak banyak untuk dibelanjakan (Noor 'Alim, 2005). Sepatutnya wang biasiswa atau pinjaman ini dibelanjakan untuk memenuhi keperluan akademik. Pelajar yang mendapat biasiswa lebih beruntung jika dibandingkan dengan pelajar yang mendapat pinjaman. Kebiasaannya, pelajar yang mendapat bantuan pinjaman, mereka perlu membayar balik seratus peratus pinjaman tersebut (Boone *et al.* 2003).

Melalui bantuan kewangan ini, yuran yang telah ditetapkan kepada para pelajar dapat dijelaskan dan baki yang selebihnya dapat membantu pelajar untuk keperluan yang lain seperti keperluan akademik, keperluan fisiologi, hiburan dan pelbagai perkara lagi agar mereka dapat menjalani kehidupan mereka dengan lebih baik dan sempurna. Wang yang diberikan tidaklah besar jumlahnya namun ia mencukupi untuk para pelajar meneruskan kehidupan sepanjang tempoh pengajian (Noor 'Alim, 2005). Oleh itu, para pelajar haruslah menggunakan bantuan yang diberikan ini dengan sebaik mungkin agar tiada masalah yang akan timbul ketika menjalani pengajian.

Baru-baru ini, akhbar KOSMO bertarikh 30 Mac 2006 telah menimbulkan isu bahawa pelajar di IPT tidak menggunakan wang pinjaman PTPTN untuk keperluan akademik pada muka hadapan akhbar tersebut. Hasil soal selidik wartawan akhbar tersebut terhadap 117 pelajar di sebelas IPT di sekitar Lembah Klang mendapati, para pelajar yang mendapat pinjaman itu membelanjakan separuh daripada wang tersebut untuk tujuan berhibur dan 'makan mewah' pada hujung minggu. Keadaan ini amat dikesali kerana wang bantuan pendidikan tersebut telah disalahgunakan oleh para pelajar. Sepatutnya golongan pelajar yang berpendidikan ini bijak dalam menguruskan hal-hal kewangan.

Menurut Jariah (1987), soal-soal kewangan merupakan satu persoalan persendirian dan biasanya seseorang merasa segan untuk bertanya atau mendapatkan pertolongan apabila mereka menghadapi masalah. Semua individu atau keluarga mempunyai urusan kewangan pada setiap hari. Semua orang yang berupaya dan sanggup bekerja akan berusaha untuk mendapatkan wang bagi menampung keperluan hidup dan mencapai keinginan dan kemahuan mereka (Garman dan Forgue, 1988). Walaupun masalah cara membelanjakan wang dianggap tidak penting oleh masyarakat tetapi pada hakikatnya soal ini amat penting di dalam kehidupan (Azizi, 2000).

Kenyataan di atas jelas menunjukkan bahawa setiap individu tidak akan terlepas daripada menguruskan wang dalam hidup mereka. Setiap hari pasti urusan yang melibatkan wang akan berlaku kerana keperluan hidup hari ini menuntut setiap individu untuk membelanjakan wang yang diperolehi. Keinginan dan kemahuan manusia juga telah mendorong manusia untuk membelanjakan wang hasil daripada penat lelah yang diperolehi (Bailard *et al.* 1972). Oleh itu, satu perancangan dalam mengurus wang perlu dilakukan dan dititik beratkan bagi setiap individu agar kehidupan yang kita lalui ini akan lebih baik dan sempurna. Bagi pelajar yang menerima wang biasiswa dan pinjaman pula mereka haruslah memanfaatkan sepenuhnya bantuan yang diterima dan menggunakannya untuk perkara-perkara yang berfaedah. Pelajar juga harus bijak berbelanja supaya tidak berlakunya pembaziran. Jika anda membuat perancangan

sebelum berbelanja, mungkin tiada sebarang masalah akan mengganggu (Persatuan Pengguna Pulau Pinang, 1987).

Menurut Deacon dan Firebaugh (1988), biasanya perancangan kewangan memberikan penekanan kepada persoalan bagaimana menguruskan pendapatan dan perbelanjaan agar seseorang individu atau sesebuah keluarga dapat mencapai matlamat tertentu. Kenyataan ini jelas menunjukkan jika setiap individu membuat perancangan sebelum berbelanja, segala urusan perbelanjaan dapat diuruskan dengan baik sekaligus dapat mengelakkan berlakunya pembaziran serta masalah yang berkaitan dengan wang.

Selain daripada itu, perbelanjaan yang dibuat haruslah berpeda-pada dan mengikut kemampuan. Perbelanjaan yang tidak dikawal dengan baik boleh menjadi punca kepada masalah kewangan dan ini boleh mengundang kesan negatif (Mumtazah dan Nurizan, 1986). Pelajar haruslah berjimat-cermat dalam berbelanja dan seharusnya amalan menabung patut ditanamkan dalam setiap diri pelajar. Amalan ini bagus kerana ia dapat memberikan faedah kepada anda seperti jika anda menghadapi masalah kewangan, hasil tabungan atau simpanan inilah yang dapat membantu seseorang individu menyelesaikannya (Boone *et al.* 2003). Menurut Jariah (1987), simpanan tidak semestinya dalam kadar yang besar tetapi jika selalu mengamalkannya, sudah tentu wang yang sedikit akan menjadi banyak seperti kata pepatah “sikit-sikit, lama-lama jadi bukit”.

## **1.2 Pernyataan Masalah**

Berdasarkan latar belakang masalah yang disebutkan, wang biasiswa atau pinjaman merupakan elemen yang penting dalam kehidupan seorang pelajar. Walaupun wang menjadi topik bicara yang berkait rapat dalam kehidupan harian, namun kesedaran dalam pengurusan wang di kalangan pelajar masih kurang. Dalam situasi ini, pelbagai persoalan yang timbul dalam soal amalan pengurusan wang dikalangan pelajar SPH.

Oleh sebab itu, sebagai menjawab persoalan yang timbul, maka amat wajar satu tinjauan dijalankan untuk melihat amalan pengurusan wang biasiswa atau pinjaman di kalangan pelajar Ijazah Sarjana Muda Teknologi Serta Pendidikan (Kemahiran Hidup), Fakulti Pendidikan, UTM, Skudai, Johor.

### **1.3 Objektif Kajian**

Kajian ini adalah untuk mendapatkan maklumat tentang beberapa objektif kajian iaitu:

- i. Mengkaji sama ada pelajar SPH mengamalkan pengurusan wang dalam menggunakan wang biasiswanya atau pinjaman yang diperolehi.
- ii. Mengenal pasti sama ada pelajar SPH lebih mengutamakan penggunaan wang biasiswa atau pinjaman untuk keperluan akademik.
- iii. Mengenal pasti sama ada pelajar SPH lebih mengutamakan penggunaan wang biasiswa atau pinjaman untuk keperluan fisiologi.
- iv. Mengenal pasti sama ada pelajar SPH lebih mengutamakan penggunaan wang biasiswa atau pinjaman untuk memenuhi kemahuan atau kehendak.
- v. Mengenal pasti sama ada pelajar SPH memperuntukkan wang biasiswa atau pinjaman untuk simpanan.

#### **1.4 Persoalan Kajian**

Kajian ini dijalankan untuk mencari jawapan kepada beberapa persoalan.

Persoalan-persoalan kajian tersebut adalah :

- i. Adakah pelajar SPH mengamalkan pengurusan wang dalam menggunakan wang biasiswa atau pinjaman yang diperolehi?
- ii. Adakah pelajar SPH lebih mengutamakan penggunaan wang biasiswa atau pinjaman untuk keperluan akademik?
- iii. Adakah pelajar SPH lebih mengutamakan penggunaan wang biasiswa atau pinjaman untuk keperluan fisiologi?
- iv. Adakah pelajar SPH lebih mengutamakan penggunaan wang biasiswa atau pinjaman untuk memenuhi kemahuan atau kehendak?
- v. Adakah pelajar SPH memperuntukkan wang biasiswa atau pinjaman untuk simpanan?

#### **1.5 Kepentingan Kajian**

- i. Dapatan dari kajian yang dibuat diharapkan dapat memberikan maklumat dan ilmu berguna kepada penyelidik serta pelajar Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia yang bakal menjadi guru pada masa akan datang. Ilmu ini bukan sahaja berguna untuk diri sendiri, malah ia boleh diterapkan kepada